

17 SEP 2003

KERETA-DUTI/I

KPMG JANGKA DUTI EKSAIS YANG TINGGI UNTUK KERETA IMPORT DAN TEMPATAN

KUALA LUMPUR, 17 Sept (Bernama) -- Kerajaan mungkin melaksanakan duti eksais yang tinggi ke atas kereta import dan tempatan bagi mengimbangi kerugian pendapatannya sebaik sahaja cukai import untuk kenderaan bermotor dari negara-negara Asean dikurangkan, kata perunding cukai di sini hari ini.

"Cukai import merupakan sumber besar pendapatan untuk kerajaan. Saya rasa kita tidak boleh sewenang-wenangnya melepaskan pendapatan seumpama ini. Jadi, untuk mengimbangkannya, duti eksais akan memainkan peranan," kata pengarah KPMG Tax Services Sdn Bhd, Khoo Chin Guan.

Bagaimanapun, beliau percaya pengurangan cukai import untuk kereta tidak akan mempunyai kesan ketara ke atas pendapatan kerajaan memandangkan sebahagian besar penjualan kereta di Malaysia ialah kereta-kereta Komponen Pemasangan Tempatan (CKD).

"Tetapi nisbah itu boleh bertukar jika Kenderaan Siap Bina (CBU) menjadi murah (kerana cukai import yang rendah). Jadi, untuk mengimbangi kerugian itu, saya rasa kita tidak perlukan duti eksais yang amat tinggi. Sebagai contoh, duti import 300 peratus tidak akan bertukar menjadi 300 peratus duti eksais," kata beliau pada persidangan akhbar selepas taklimat eksekutif percukaian tahunan 2004 KPMG di sini.

Pada masa ini, duti import untuk kereta penumpang yang diimport adalah di antara 140 dan 300 peratus tetapi tiada duti eksais sementara kereta-kereta penumpang yang dikeluarkan di dalam negara menarik duti eksais antara 25 peratus dan 65 peratus.

Ketika membentangkan Bajet 2004 Jumaat lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan meleviskan duti-duti eksais ke atas kereta yang diimport apabila duti import yang dikenakan kepada mereka dikurangkan, berkuatkuasa 1 Jan, 2004.

Seorang lagi pengarah KPMG Shalet Marian berkata persoalan utamanya ialah julat duti eksais yang boleh dilaksanakan, sama ada ia akan mengikuti regim duti eksais pada masa ini ataupun lebih tinggi.

"Pegawai-pegawai kerajaan masih lagi belum menetapkan peratusan duti eksais yang akan dilaksanakan. Ia mungkin naik. Jadi, apa yang berlaku ialah kedua-dua pengimport dan pengeluar kemungkinan membayar kadar duti eksais yang sama," kata beliau.

Duti-duti eksais ini mungkin berdasarkan kepada nilai sesebuah kereta dan untuk mengimbangi kejatuhan pendapatan hasil daripada pengurangan cukai import, duti-duti eksais itu mestilah tinggi, kata beliau.

Ini bermakna kemungkinan terdapatnya beberapa perubahan dalam harga-harga kereta, sama ada kereta tempatan akan lebih mahal atau kereta diimport murah sedikit, kata seorang lagi pengarah KPMG, Chew Theam Hock.

Beliau berkata duti eksais yang tinggi tidak sepatutnya menjadi masalah kepada pengeluar kereta tempatan untuk berdaya saing memandangkan adanya pengecualian duti eksais ke atas kereta-kereta Malaysia ataupun untuk kandungan tempatan.

"Mereka sepatutnya boleh mengurangkan kos dengan menggunakan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk menghasilkan bahagian dan komponen kereta. Kerajaan telah memberikan banyak insentif kepada PKS dan itu boleh membantu," kata beliau.

Chew berkata PKS amat penting dalam membantu merangsangkan penggunaan dan mempromosikan produk Malaysia dan sekali gus perlu adanya perubahan minda bagi PKS-PKS.

"Mereka tidak boleh hanya bergantung kepada syarikat-syarikat besar sebagai cara untuk "survive," kata beliau.

Khoo juga berkata terdapatnya trend yang kian meningkat dalam regim cukai antarabangsa seperti pengurangan cukai langsung dan kerugian pendapatan kerajaan boleh digantikan dengan cukai tidak langsung seperti cukai penggunaan.

"Dalam tempoh dua atau tiga tahun ini, pengurangan cukai langsung kemungkinan juga boleh menjadi realiti di Malaysia," kata beliau.

"Jadi, sehubungan dengan itu, jika kerajaan mahu memperkenalkan cukai penggunaan secara meluas dalam bentuk cukai perkhidmatan dan jualan, maka satu cara yang paling logik yang boleh dijangkakan ialah pengurangan dalam cukai korporat dan pendapatan cukai persendirian," kata beliau sambil menambah tarikh pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan tidak perlu mengambil masa yang lama kerana ia akan membolehkan pentadbiran percukaian yang lebih mudah. -- BERNAMA

SM FR SHY AA